

PROSEDUR PEMERIKSAAN SEMULA (REVIEW AUDIT)

- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang Pegawai Auditor Veterinar Dilantik (AVD) sekali dalam tempoh dua (2) tahun untuk memperbaharui sijil VHM atau apabila perlu sekiranya terdapat pengubahsuaian premis, penambahan bahan mentah, penambahan produk, penggunaan teknologi baru serta perubahan pihak pengurusan.
- Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan AVD dan pemohon.
- Pemeriksaan semula dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, GMP, HACCP dan audit lapangan.
- Sekiranya terdapat ketidakakuratan (NCR), tindakan pembetulan (CAR) perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.
- Jika perlu, pemeriksaan susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh NCR akan menyebabkan sijil ditarik balik.
- AVD menyediakan laporan dan menyerahkan laporan kepada urus setia pensijilan veterinar.
- Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan pembaharuan sijil.